

Penubuhan Agensi Angkasa Negara dilulus

BH, 28 MAR 2001

KUALA LUMPUR, Selasa - Kabinet meluluskan penubuhan Agensi Angkasa Negara (NSA) bagi membangunkan industri dan teknologi angkasa lepas.

Menteri Sains Teknologi dan Alam Sekitar, Datuk Law Hieng Ding berkata penubuhan NSA yang diluluskan Kabinet pada 31 Januari lalu, mampu membawa perubahan dalam pengurusan Bahagian Kajian Angkasa Lepas (Baksa) yang kini bertanggungjawab mengendalikan kegiatan berhubung angkasa lepas.

Katanya, penubuhan itu membolehkan semua kegiatan angkasa diselaras dan dilaksanakan secara bersepadu bagi mencapai matlamat menjadikan Malaysia sebuah negara yang mempunyai keupayaan penuh dalam penggunaan teknologi itu.

"Penubuhan NSA juga akan mempergiatkan peranan Malaysia sebagai penyediaan perkhidmatan dalam teknologi angkasa atau satelit," katanya selepas merasmikan seminar teknologi angkasa Prancis dan bidang berkaitannya, di sini hari ini.

NSA akan dibimbing sebuah Majlis Angkasa Negara yang dipengerusikan Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad manakala pengurusannya diketuai seorang presiden dan dibantu dua timbalan presiden.

Bahagian pengurusan itu akan bertanggungjawab terhadap pelaksanaan dua program utama NSA, iaitu Pembangunan Infrastruktur Angkasa dan Pembangunan Aplikasi Angkasa.